

Gadis asing didakwa

Dituduh menjalankan amalan pergigian tanpa lesen di Puchong

Oleh Raja Noraina
Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Petaling Jaya


Seorang wanita warga Indonesia dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan menjalankan amalan pergigian tanpa lesen, bulan lalu.

Tertuduh, Putri Wahyuni, 22, yang juga orang kena saman (OKS) bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan itu yang dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Norshila Kamaruddin.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh didakwa menjalankan amalan pergigian tanpa berdaftar mengikut Akta Pergigian 2018 (Akta 804).

Kesalahan berkenaan dilakukan di sebuah premis kecantikan di Bandar Puteri Puchong, Selangor pada jam 11.47 pagi, 26 Mei lalu.

Berikutan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 62(1), Akta 804 dan boleh



LAPORAN muka depan Harian Metro, semalam.

dihukum mengikut Seksyen 62(3), akta sama yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM300,000 atau penjara sehingga enam

tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Pendakwaan kes dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Kesihatan

RM300k

Jumlah hukuman denda maksimum yang boleh dikenakan

Malaysia (KKM) Mohamad Shafiq Mohd Sazali manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah kemudian menetapkan 19 Julai depan untuk serahan dokumen dan lantikan peguam.

Pertuduhan mengikut seksyen itu adalah yang pertama sejak akta berkenaan berkuat kuasa pada tahun ini.

Akta Pergigian 2018 (Akta 804) mulai dilaksanakan pada 1 Januari lalu menggantikan Akta Pergigian 1971 (Akta 51) yang digunakan sejak 50 tahun bagi mengawal selia amalan dalam bidang pergigian.

Akta berkenaan membolehkan penguatkuasaan diambil terhadap amalan pergigian yang tidak mematuhi peruntukan Akta itu terutamanya pengalaman pergigian haram.



PUTRI Wahyuni (tengah) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Petaling Jaya, semalam atas pertuduhan menjalankan amalan pergigian tanpa lesen, bulan lalu.